

UPM menang Anugerah Harta Intelekt Negara 2008

Sabtu 26/4/08 / UPM Malaysia

KUALA LUMPUR 25 April – Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul sebagai pemenang utama bagi dua kategori pada Anugerah Harta Intelekt Negara 2008.

UPM dalam kenyataannya di sini hari ini berkata, dua kemenangan tersebut diperoleh bagi kategori organisasi dan individu.

“Kategori individu dimenangi oleh penyelidik UPM, Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman dari Fakulti Biotek-

nologi dan Sains Biomolekul melalui penyelidikan Lipase 205Y.

“Lipase 205Y merupakan penyelidikan mengenai enzim industri untuk kegunaan industri detergent seperti sabun, kosmetik dan pharmaceutical,” kata kenyataan itu.

Noor Zaliha membawa pulang hadiah wang tunai RM20,000, piala dan sijil penghargaan.

Bagi kategori organisasi pula, UPM me-

nerima wang tunai RM30,000, piala dan sijil penghargaan.

“UPM menewaskan calon-calon dari organisasi kerajaan dan swasta lain melalui pencalonan 14 penganugerahan paten, 134 yang masih menunggu paten dan 16 produk yang telah dikomersialkan,” katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, selain dua kategori utama, UPM turut memenangi dua kategori lain iaitu Pereka Cipta Rema-

ja dan Reka Bentuk Perindustrian.

Pertandingan itu dianjurkan oleh Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) sempena Ekspo Hari Harta Intelekt Negara 2008.

Ekspo tersebut berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bermula dari 24 hingga 27 April.